

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE  
[ SANDAKAN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk mengakhiri monopoli BERNAS sebagai satu-satunya pengimport beras untuk negara kita bagi meningkatkan keselamatan makanan kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan Kerajaan berkenaan pengimportan beras adalah dengan mempertimbangkan semua aspek secara menyeluruh khususnya bagi melindungi komoditi strategik ini sebagai makanan ruji rakyat Malaysia. Secara keseluruhannya, konsesi baharu BERNAS juga telah ditambahbaik dan beberapa terma baharu dibuat termasuk penambahan bilangan Obligasi Sosial daripada 5 kepada 10 yang merangkumi tambahan jumlah simpanan stokpail beras negara bagi tujuan sekuriti makanan negara. Jawatankuasa Pemantauan sebagai badan penilai (*oversight body*) juga akan terus memantau pelaksanaan Obligasi Sosial BERNAS berdasarkan *Key Performance Indicator (KPI)* yang telah ditetapkan bagi setiap Obligasi Sosial yang telah dipersetujui.
2. Keadaan ekonomi dunia pada masa kini yang tidak menentu kesan penularan pandemik COVID-19, juga menjadi asas kepada jaminan bekalan makanan negara perlu terus diberi keutamaan. Ia juga selaras dengan usaha Kerajaan untuk memartabatkan industri padi dan beras negara di samping mengurangkan implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan dalam mengurus industri. Setakat ini, Kerajaan melalui BERNAS telah memastikan bekalan beras dalam negara mencukupi pada setiap masa.
3. Pada masa yang sama, Kementerian juga sedang mengkaji secara menyeluruh pendekatan dan perancangan alternatif lain yang berkesan dalam jangka panjang ke arah pasaran industri beras yang lebih terbuka tanpa menjejaskan jaminan sekuriti makanan negara dan industri padi dan beras tempatan.
4. Berhubung dengan perancangan Kementerian dalam memastikan jaminan sekuriti bekalan makanan negara terus dipelihara dalam jangka pendek dan panjang, perkara berikut telah dilaksanakan:
  - i. Pengurusan Nutrien Lokasi Spesifik (SSNM) ataupun *soil profiling*. Program ini adalah untuk penggunaan baja dan kapur berdasarkan keperluan tanah yang berbeza mengikut kawasan;

## SOALAN NO : 481

- ii. Pendekatan Sawah Berskala Besar (SBB) iaitu dengan penglibatan entiti swasta dalam rangkaian penanaman padi dan pengeluaran beras;
- iii. Penggunaan sumber air secara konjuktif (*conjunctive*) iaitu secara bersepadu untuk penanaman padi;
- iv. Perluasan kawasan jelapang padi dan pengoptimaan kawasan jelapang sedia ada dengan menambahkan kawasan-kawasan terbiar;
- v. Penerokaan kawasan baru ke dalam Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA);
- vi. Penggunaan benih padi sah yang berkualiti bagi mengelakkan berlakunya kejadian benih padi angin;
- vii. Penggunaan teknologi moden dalam keseluruhan rangkaian industri padi dan beras; dan
- viii. Penglibatan golongan muda di dalam rangkaian penanaman padi dan beras.

5. Kementerian juga terus komited untuk meningkatkan pengeluaran beras negara sehingga tahap sara diri (SSL) mencecah 75% seperti yang digariskan dalam cadangan Kertas Strategi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) bagi industri padi sekaligus dapat mengurangkan kebergantungan kepada import.

Sekian, terima kasih.